

# Terapkan perkongsian fasiliti, teknologi hijau

**MUAR** - Konsep pembangunan yang disasarkan untuk Hub Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) adalah pemuliharaan kawasan melalui perkongsian fasiliti dan teknologi hijau.

Ketua Setiausaha 2, Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang berkata, pembangunan fasiliti adalah berkonsept guna sama dan perkongsian fasiliti.

Menurutnya, pembangunan HPTP akan menggunakan teknologi hijau dengan menyasarkan pen-sijilan pematuhan Indeks Bangunan Hijau.

"Fasiliti yang akan dibangunkan untuk menampung keperluan 13,800 pelajar dan 6,200 kakitangan akademik dan bukan akademik.

"Bagi fasa pertama, ia melibatkan pembangunan kemudahan empat institut pendidikan tinggi awam (IPTA) iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan politeknik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Pembangunan Kolej Kediaman



Zaini (kiri) memberi penerangan kepada Muhyiddin mengenai plan reka kediaman pelajar.

Pelajar HPTP dan Lawatan Tapak HPTP, di sini, semalam.

Menurutnya, kementerian juga akan menarik penyertaan daripada institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan seperti Kolej Matrikulasi serta Institusi Pengajian Tinggi Swasta dalam dan

luar negara seperti Institut Teknologi Bandung untuk melengkapkan HPTP.

Zaini berkata, penyediaan penginapan pelajar turut memainkan peranan yang penting ke arah mendakwa kesediaan HPTP menerima kemasukan pelajar serta me-

mulakan operasinya.

"Satu model perolehan yang inovatif diguna pakai menerusi anak syarikat atau yayasan masing-masing membuat pembelian bangunan penginapan dan kemudahan menyewakan kepada pelajar menerusi pihak universiti," katanya.